

**Kerajaan Persekutuan diyakini mampu laksana BR1M kedua**  
**Utusan Online**  
**11 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR 10 Jun - Kerajaan mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi pusingan kedua.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim Siang Chai berkata, ia berikutan pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Katanya, biarpun krisis ekonomi sedang melanda negara-negara Barat terutamanya di Eropah, namun Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan yang baik untuk suku pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Pada suku pertama tahun ini, negara mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.7 peratus. Ini merupakan perkembangan yang baik memandangkan kemelut ekonomi yang melanda dunia kini.

"Justeru, cadangan pemberian BR1M pusingan kedua adalah langkah tepat bagi meringankan beban rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Ibu Bapa anjuran Wanita Barisan Nasional (BN) Petaling Jaya Utara, di sini hari ini.

Pada majlis di Gelanggang Bola Keranjang Jalan SS3 itu, Donald Lim turut berkesempatan beramah mesra dengan kira-kira 100 warga emas.

Donald Lim yang juga Pengerusi MCA Selangor berkata, Kementerian Kewangan sedang mengkaji dan meneliti cadangan berkenaan namun sebarang keputusan terletak pada Kabinet.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menasihatkan rakyat lebih berhati-hati dalam menentukan pentadbiran negara agar kelangsungan Malaysia dapat diteruskan.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menunjukkan kepimpinan yang baik apabila berjaya memacu pencapaian membanggakan dalam tempoh tiga tahun mentadbir negara.

"Ketika negara Barat berhadapan dengan krisis ekonomi, kita mampu mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik, malah, lebih tinggi dari Amerika Syarikat yang hanya mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus.

"Sementara itu, beberapa negara Kesatuan Eropah (EU) pula masih belum mencatatkan sebarang pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata, kadar pengangguran dan inflasi negara juga agak rendah iaitu masing-masing pada kadar 2.9 peratus dan 2.2 peratus bagi tempoh suku pertama tahun ini.

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0611&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)